



PEKELILING MAJIKAN BIL. 10/2002
KADAR BANTUAN KEWANGAN BAGI LATIHAN DI LUAR NEGERI DAN KADAR
ELAUN LUAR NEGERI

1. TUJUAN

Tujuan Pekeliling Majikan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua majikan yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) mengenai perkara seperti berikut: -

- a) Kenaikan kadar bantuan kewangan daripada 50% kepada 100% untuk kos latihan yang dibenarkan bagi majikan yang menghantar pekerja mengikuti latihan di luar negeri dalam bidang-bidang kemahiran berteknologi tinggi, teknologi baru, penghasilan produk baru, penyelidikan dan pembangunan, kejuruteraan, pemasaran dan pengurusan strategik; dan
- b) Kadar elaun harian pelatih dinaikkan daripada maksimum RM350.00 seorang sehari kepada maksimum RM600.00 seorang sehari untuk pekerja yang mengikuti latihan di luar negeri.

2. BANTUAN KEWANGAN BAGI LATIHAN DI LUAR NEGERI DAN KADAR
ELAUN LUAR NEGERI

2.1 Lanjutan daripada maklumbalas yang diterima, PSMB telah membuat keputusan bahawa kadar bantuan kewangan bagi latihan di luar negeri dalam bidang kemahiran berteknologi tinggi, teknologi baru, penghasilan produk baru, penyelidikan dan pembangunan, kejuruteraan, pemasaran dan pengurusan strategik dinaikkan daripada 50% kepada 100% untuk kos latihan yang dibenarkan. Langkah ini adalah bertujuan untuk membantu majikan meningkatkan kemahiran pekerja dalam bidang tersebut supaya perpindahan teknologi ke negara ini dapat dipercepatkan lagi.

2.1 PSMB juga telah membuat keputusan bahawa kadar elaun luar negeri bagi pelatih yang mengikuti latihan di luar negeri dinaikkan dari maksimum RM350.00 seorang sehari kepada maksimum RM600.00 seorang sehari. Pembayaran bantuan kewangan bagi elaun tersebut adalah berasaskan perbelanjaan sebenar pekerja tertakluk kepada amaun maksimum tersebut. Elaun latihan luar negeri ini adalah untuk menampung perbelanjaan makan/minum, penginapan dan pengangkutan darat pelatih semasa mengikuti latihan di luar negeri.

2.3 Kenaikan kadar bantuan kewangan dan elaun harian ini adalah bertujuan

untuk membantu dan menggalakkan majikan meningkatkan kemahiran dan kepakaran pekerja-pekerja dalam bidang-bidang kemahiran tersebut yang tidak terdapat di negara ini supaya majikan-majikan dapat mengekalkan daya saing dalam menghadapi cabaran globalisasi.

3. Tarikh Kuatkuasa

Pekeliling Majikan Bil. 10/2002 ini berkuatkuasa mulai **1 Julai 2002**.

Sekian. Terima kasih

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"
"K-PEKERJA PENERAJU MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI"

Yang ikhlas,

(RUSNAN BIN SAMAT)

Timbalan Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

